



DERMA... Lebih 1,000 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menderma darah sempena kempen derma darah di Dewan Serbaguna UMT semalam.

Program anjuran Pusat Kesihatan Pelajar UMT itu diadakan selama dua hari bermula semalam bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menderma darah.

Jurucakap penganjur berkata, program itu bertujuan membantu pihak hospital mendapatkan bekalan darah untuk kegunaan pesakit yang memerlukan pemindahan darah seperti mangsa kemalangan.

"Kami akan menjadikan kegiatan ini sebagai aktiviti tahunan kerana melalui program ini mereka yang terbabit dapat menderma darah untuk tabung darah di hospital," katanya.

● **SEBAHAGIAN** pelajar dan kakitangan UMT menderma darah di Dewan Serbaguna universiti tersebut di Kuala Terengganu, semalam.